

Utusan Malaysia - Sektor Pembinaan Negara Diunjur Berkembang 7.5 Peratus

Isnin, Apr 02 2018

Sektor pembinaan negara diunjur berkembang 7.5 peratus

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 1 April - Industri pembinaan negara diunjur berkembang pada kadar 7.5 peratus selari dengan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu sebanyak 5.5 peratus.

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Zohari Akob berkata, unjuran positif itu dipacu oleh projek infrastruktur kerajaan terutamanya dalam sektor pengangkutan.

Katanya, kerajaan menerusi Bajet 2018 telah memberi penekanan terhadap perbelanjaan infrastruktur terutamanya melibatkan kawasan luar bandar seperti projek Lebuhraya Pan Borneo dan projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) dan Transit Aliran Massa (MRT).



SEORANG pekerja di tapak projek ECRL di Tunjong, Kelantan. - BERNAMA

"Projek-projek ini memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan industri pembi-

naan serta membantu menambah baik sistem rel sedia ada terutamanya di Lembah Klang

dan di kawasan-kawasan lain," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Bellau ditemui pada Konvensyen Usahamita Binaan (Kubina) yang diadakan sempena Minggu Pembinaan Antarabangsa 2018 (ICW 2018) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Sebelum ini Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) menyasarkan nilai projek pembinaan berjumlah RM180 bilion bagi tahun 2018 didorong oleh projek pembangunan infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dirancang dan dijalankan.

Ia termasuk Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR), MRT, Lebuhraya Pan Borneo, ECRL

dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Berdasarkan statistik CIDB, nilai projek pembinaan pada tahun 2016 adalah sejumlah RM229 bilion dengan sebanyak 6,855 projek pembinaan direkodkan. Angka berkenaan adalah tertinggi dicatatkan sejak tahun 2010.

Daripada RM229 bilion itu, 60 peratus atau RM137 bilion adalah projek infrastruktur, 19 peratus atau RM43 bilion projek bukan perumahan, 18 peratus atau RM41 bilion projek perumahan dan empat peratus atau RM9 bilion projek kemudahan sosial.

Dalam perkembangan lain, Zohari berkata, bermula tahun ini sehingga 2020, Kementerian akan mengenakan mandatori penggunaan Sistem Binaan Industri (IBS) kepada sektor swas-

ta secara beransur-ansur.

"Seperti yang diumumkan sebelum ini, industri akan diberikan mandat untuk menggunakan sepenuhnya sistem IBS menjelang 2020.

"Ini adalah peluang besar kepada semua pihak pemain industri untuk tampil dan menjadi sebahagian daripada Projek Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 dan membawa industri ini ke satu peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Setakat ini sebanyak 8,087 kontraktor IBS dan 264 buah syarikat pengeluar komponen IBS telah didaftarkan di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dengan majoritinya berpusat di bandar-bandar besar seperti di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak.